

Press Clipping

Client: Port Klang Free Zone

Publication: Harian Metro – B&W
Bisnes, P. 28A (1 of 1)

Date: November 1, 2006

PKFZ mula beroperasi

ZON Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) bernilai RM2.2 bilion yang dibangunkan mengikut Zon Bebas Jebel Ali di Dubai, zon bebas perindustrian dan komersial bersepadu sepenuhnya yang pertama di Malaysia kini dibuka untuk beroperasi.

Paling menarik, PKFZ seluas 400 hektar itu sudah menerima pelabur pertama, Aker Kvaerner, sebuah syarikat kejuruteraan minyak dan gas Norway yang mengambil kawasan perindustrian yang dibangunkan seluas 27.6 hektar.

Aker Kvaerner akan melabur RM400 juta membina sebuah pusat pengeluaran yang memainkan peranan penting menyokong kerja cari gali minyak dan gas mereka di Asia Pasifik.

Pengurus Besar PKFZ, Noel Gulliver, berkata pihaknya kini sedang dalam proses memuktamadkan perbincangan dengan lima lagi pelabur untuk menyewa kira-kira 28 hektar kawasan di situ.

“Sepuluh lagi pelabur sudah menyatakan minat untuk menyewa 14 unit bangunan industri ringan ma-

nakala empat syarikat lagi berminat untuk menyewa kompleks pejabat,” katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di Kuala Lumpur semalam.

PKFZ yang terletak di sebelah Westports di Pulau Indah diwartakan sebagai zon bebas yang membolehkan aktiviti komersial dan pembuatan dapat berjalan serentak.

Ini bermakna kilang dan firma logistik dapat ditempatkan dalam zon yang sama untuk memudahkan penyelarasan dan melancarkan pengurusan rangkaian bekalan, menjadikan PKFZ sebagai projek pembangunan pertama seumpamanya di Malaysia iaitu sebuah zon perindustrian dan komersial bebas bersepadu.

“PKFZ akan menjadi penggerak pertumbuhan Pelabuhan Klang, yang juga Pusat Muatan Negara sementara ia akan berkembang menjadi pusat perdagangan import-eksport dengan menyediakan kemudahan setempat bagi memproses dan menambah nilai barangan dan perkhidmatan, sebelum dieskport,” kata Gulliver.